

Headline	Jabatan Kesihatan dekati komuniti kesan HIV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,710
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,130



Jabatan Kesihatan dekati komuniti kesan HIV

Melaka: Jabatan Kesihatan Melaka melaksanakan ujian saringan HIV komuniti bagi mengenalpasti individu yang menghidap sindrom kurang daya tahan melawan penyakit (AIDS), bermula tahun depan.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Ghazali Othman, berkata tahap kesedaran masyarakat terhadap jangkitan HIV masih kurang disebabkan perasaan malu dan bimbang terhadap perkembangan yang diterima.

“Usaha ini akan dijalankan melalui program dan kempen, saya berharap ia boleh menarik lebih ramai dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi untuk tampil menjalani ujian bagi membolehkan rawatan diberikan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Hari AIDS Sedunia 2016 peringkat negeri bertemakan ‘Akhir AIDS: Kukuhkan #Pencegahan HIV. Teruskan Komitmen, Tingkatkan Usaha’ di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Dr Amirullah Mohd Arshad dan Pegawai Kesihatan Daerah Melaka Tengah, Dr Rusdi Abd Rahman.

Ghazali berkata, setakat ini, Melaka mencatatkan penurunan kadar jangkitan melalui tingkah laku berisiko dari 8.5 peratus pada tahun 2010 kepada 3.1 peratus pada 2015.

“Kadar melalui seksual bagaimanapun didapati meningkat dari 6.5 peratus pada 2010 kepada 12.3 peratus pada 2015 yang mana jangkitan HIV melalui homoseksual sebanyak 52 peratus, manakala heteroseksual 32 peratus,” katanya.

100 kes baharu HIV dilapor setiap tahun

Katanya, sebanyak 100 kes baharu HIV dilaporkan setiap tahun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun tiada rekod mencatatkan jangkitan berkenaan ke atas bayi dalam kandungan sejak dua tahun lalu.

“Kita perlu memastikan sasaran 90-90-90 menjelang tahun 2020 tercapai iaitu 90 peratus daripada penghidap HIV mengetahui status HIV mereka dan daripada jumlah itu, 90 peratus menerima rawatan.

“90 peratus daripada mereka yang menerima rawatan ini menunjukkan supresi virus HIV,” katanya.

Headline	Jabatan Kesihatan dekati komuniti kesan HIV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,710
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,130



Dr Ghazali (dua dari kiri) merasmikan Hari AIDS Sedunia 2016 peringkat negeri di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, semalam.